



RASHID bersama pegawai-pegawai PDRM dan Kor Suksis UMS.

195 pelajar hadiri Sesi Ramah Mesra Pesuruhjaya Polis Sabah bersama Pelajar Kor Suksis UMS

UB 17.10.16 A3

KOTA KINABALU: Seramai 195 pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) menghadiri Sesi Ramah Mesra Pesuruhjaya Polis Sabah bersama Pelajar Kor Suksis yang disampaikan sendiri oleh Pesuruhjaya Polis Sabah Dato' Abdul Rashid Harun.

Ia adalah sesi amanat beliau yang kedua pada tahun ini kepada pelajar Kor Suksis UMS, iaitu sesi yang sangat bermanfaat dalam memberi ilmu kepada semua bakal pemimpin dan peneraju negara pada masa akan datang.

Rashid berharap para pelatih Kor Suksis dapat berfikir di luar kotak dan tidak terikat dengan silibus sahaja yang disampaikan dalam kuliah.

"Saya mohon agar pelajar Kor Suksis ini juga dapat menjalankan sedikit latihan di IPK," katanya.

Selain itu, beliau memohon agar semua kadet bila berhadapan dengan masyarakat di luar sana dapat menjelaskan hal ehwal kepolisan dengan betul.

Dalam sesi itu, Rashid sempat berkongsi pengalaman kerjaya beliau dalam PDRM dan isu keselamatan di Sabah.

Sementara itu, Komandan Kor Suksis UMS ACP (K) Prof Madya Dr Ismail Ali yang juga Timbalan Naib Canselor HEPA UMS mengucapkan terima kasih kepada Rashid serta pegawai PDRM yang sudi hadir bersama dalam sesi ramah mesra itu.

Katanya kehadiran PDRM pada kali ini sebagai pembakar semangat kepada kadet UMS untuk terus berusaha dalam pembelajaran dan membantu PDRM dalam menjaga keselamatan negara.

"Ini juga dapat membantu menjayakan misi dan visi PDRM serta terus membina kecekalan, kegigihan, komitmen disiplin dan jati diri yang luhur untuk kecemerlangan agama, nusa dan bangsa," katanya.

Program itu turut dihadiri oleh KJPJJK Kontinjen Sabah SAC Awang Besar Dullah dan Timbalan Komandan Kor-Suksis UMS Supt No'man Haji Ahmad.